

PERHATIKAN
PLEASE NOTE

EMBARGO
BERNAMA

kan sebelum pukul
5.30 petang 20.5.77.

Ucapan Y.A.B. Dr. Mahathir bin Mohamad
Pemangku Perdana Menteri merangkap
Menteri Pelajaran di upacara merasmikan
bangunan tambahan dan mengistiharkan
nama baru Sek. Kebangsaan Tendong, Pasir
Mas, Kelantan, pada 20hb. Februari, 1977
jam 4.30 petang.

Tombolan

20

Pada petang yang berbahagia ini saya mengucapkan
syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya
kita telah dapat hadir bersama di Majlis Pembukaan Bangunan Tambahan
dan Pengistiharan nama baru Sekolah Kebangsaan Tendong ini. Seterus-
nya saya serta juga isteri saya mengucapkan berbanyak terima kasih
kepada ahli-ahli Lembaga Pengurus, ahli-ahli Persatuan Ibubapa Guru-
guru dan murid-murid sekolah ini kerana telah sudi menjemput kami
dan untuk saya merasmikan bangunan tambahan dan seterusnya mengistihar-
kan nama baru sekolah ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.
Dengan adanya bangunan tambahan sekolah ini berharga \$140,000
mengandungi 8 bilik darjah, pejabat, setor, bilik guru, tandas,
kantin, bekalan letrik dan pagar, saya mengangap murid-murid
disini telah mendapat kemudahan-kemudahan pelajaran yang lebih
baik dan sempurna jika dibandingkan dengan banyak lagi sekolah
lain yang belum menerima kemudahan seperti ini. Oleh yang
demikian saya berharap guru-guru dan murid-murid disini dapat
menggunakan kemudahan-kemudahan ini dengan sepenuhnya supaya
kemajuan pelajaran yang lebih baik dapat diperolehi.

Sesungguhnya kemajuan pelajaran di peringkat
sekolah rendah amatlah penting kerana ia menjadi asas bagi mencapai
kemajuan pelajaran yang lebih tinggi terutamanya apabila murid-
murid itu memasuki sekolah menengah kelak. (Murid-murid di sekolah
rendah mesti ditentukan supaya boleh membaca, menulis dan mengira
dengan berpatutan sebelum mereka memasuki sekolah menengah.
Penentuan ini dapat dibuat jika guru-guru lebih memberi perhatian
terhadap pengajaran membaca, menulis dan mengira, dan ibubapa pula
bersedia mengambil berat tentang kemajuan pelajaran anak-anak
mereka dan menghubungi pihak sekolah apabila didapati anak-anak
mereka tidak boleh membaca, menulis dan mengira dengan sepatutnya.
Masalah ini jangan diabaikan atau dipandang tengan oleh kerana
murid-murid itu yang akan rugi dalam pelajarannya. Murid-murid

yang tidak mendapat asas membaca, menulis dan mengira dengan berpatutan mendapati amat sukar untuk mengikuti pelajaran diperingkat menengah, dan apabila gagal di peringkat menengah harapan masa depan mereka mungkin tidak sebaik dengan rakan-rakan mereka yang lulus di peringkat tersebut. (Saya mendapat tahu ada murid-murid yang tamat darjah 6 tetapi tidak boleh membaca dan menulis serta membuat kira-kira yang patut mereka boleh buat. Jikalau masalah ini awal-awal lagi pihak sekolah dan ibubapa selesaikan maka lebih mudah murid-murid itu belajar di peringkat sekolah menengah nanti.

Sebagaimana sama-sama kita maklum pelajaran adalah amat penting untuk mencapai satu-satu kemajuan. Didalam bumi tempat kita bersama-sama berada sekarang mungkin ada hasil bumi yang bernilai seperti bijih timah atau pun perak. Tetapi jika kita tidak mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran kita mungkin tidak dapat mengeluarkan barang-barang yang bernilai itu untuk digunakan bagi kebajikan hidup kita. Kalaupun kita mempunyai ilmu pengetahuan tetapi tidak sesuai digunakan untuk mengeluarkan hasil bumi tersebut maka ilmu pengetahuan yang tidak dapat digunakan itu tidak memberi faedah kepada kita juga. Oleh yang demikian tidak semua ilmu pengetahuan berguna, ia hanya berguna dalam keadaan dan untuk tujuan-tujuan tertentu sahaja.

Sejajar dengan ini pelajaran dan ilmu pengetahuan terpaksa dirancang mengikut kehendak dan matlamat negara seperti terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru. (Dibidang ekonomi negara bergantung kepada perkembangan yang seimbang diantara sektor pertanian dan perindustrian. Oleh yang demikian negara perlukan tenaga mahir yang cukup untuk memodenkan perusahaan pertanian dan perindustrian. Negara perlu perusahaan bertani dijalan secara moden supaya dapat mengeluarkan hasil yang lebih banyak dan dengan kos atau perbelanjaan yang rendah. Demikian juga dibidang perindustrian negara perlukan lebih banyak tenaga mahir supaya dapat mengeluarkan hasil yang bermutu tinggi dan murah. Disamping itu oleh kerana negara juga perlukan lebih ramai dari kaum bumiputra menyertai kegiatan perniagaan dan perdagangan, murid-murid terutamanya dari kawasan luar bandar digalakkan juga mempelajari pelajaran perniagaan dan perdagangan.

Tuan-tuan dan puan-puan. Jika kita bandingkan perkembangan pelajaran sebelum merdeka dengan masa ini, kita akan lihat kemajuan yang dicapai sekarang amatlah pesat dari segi kuantiti dan juga kualiti. (Permintaan terhadap pelajaran kian bertambah tahun demi tahun. Bilangan murid di sekolah rendah

makin bertambah, demikian juga di peringkat menengah dan di peringkat maktab dan universiti. Bilangan pelajar yang bertambah ramai ini bermakna Kerajaan akan berbelanja lebih banyak wang tiap-tiap tahun supaya cukup tempat belajar dan kemudahan dapat diadakan dan mutu pelajaran tidak jatuh, malahan dipertingkatkan lagi. Bagi negeri Kelantan sahaja dalam Rancangan Malaysia Ketiga sejumlah \$30,409,000 telah diperuntukkan meliputi 87 projek bagi sekolah rendah, 31 projek bagi sekolah menengah, 5 projek asrama dan 9 projek rumah guru. Disamping itu bagi negeri Kelantan ini sebuah lagi Sekolah Menengah Sains, sebuah Sekolah Menengah Vokesyenal Pertanian telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Ini memberi lebih banyak kemudahan dan peluang kepada murid-murid dari negeri ini untuk mengikuti pelajaran di bidang sains dan pertanian pada masa depan.

Tuan-tuan dan puan-puan.

Masyarakat kita hari ini pada pendapat saya masih banyak yang memberi terlalu tinggi nilai kepada kelayakan kertas atau pun kelulusan sijil. Saya tidak menyatakan sijil atau ijazah itu tidak bernilai, kita patut memberi nilai kepada sijil dan ijazah itu, tetapi apa yang patut kita asadar ialah kemampuan seseorang itu untuk menjalankan sesuatu tugas atau urusan tidak dapat dijamin sepenuhnya oleh sijil atau ijazahnya. Walau bagaimanapun kita harus menerima bahawa seseorang yang memiliki sijil atau ijazah mempunyai kemungkinan yang lebih besar untuk menjalankan kerja dan tugas dengan kejayaan.

Didalam peperiksaan tiap-tiap tahun baik di peringkat SRP/LCE atau SPM/MCE ramai calon yang gagal. Tetapi tidak semua calon yang gagal ini akan gagal dalam hidup mereka pada masa hadapan, dan tidak pula semua yang lulus akan terjamin 100% hidup mereka berjaya. Mereka yang gagal hendaklah menganggap kegagalannya itu sebagai satu ujian atau cabaran dalam hidupnya, dan seharusnya jangan putus asa, malahan berusaha lebih giat dalam apa jua bidang yang sesuai dengan kelayakan dan jiwanya. Mereka juga akhirnya dengan ketekunan, kejayaan masih mungkin dapat dicapai. Saya berharap ibubapa dan masyarakat harus memahami hakikat ini supaya sebarang rasa kekeciwaan dapat dielakkan.

Pada petang ini juga saya ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan tentang pentingnya semangat bekerjasama sebagai asas bagi mencapai satu-satu matlamat atau tujuan. Tanpa

kerjasama satu-satu kerja tidak mudah dilaksanakan dengan kejayaan. Dalam masalah pelajaran anak-anak kita di sekolah, ibubapa dan sekolah hendaklah sama-sama bekerjasama. Masalah-masalah pelajaran yang dihadapi oleh anak-anak kita banyak boleh diselesaikan melalui rundingan dan kerjasama. Pada masa sekarang berbagai masalah dan pengaruh boleh mengancam kemajuan sesebuah sekolah seperti salah-gunaan dadah dan ponteng sekolah di kalangan murid-murid. Kementerian Pelajaran memandang berat terhadap kegiatan-kegiatan ini dan segala usaha sedang dijalankan untuk menghadapi masalah-masalah tersebut.

Walau bagaimanapun ibubapa mempunyai peranan yang penting. Ibubapa seharusnya memberi kawalan yang lebih rapi terhadap gerak-geri anak-anak mereka disamping memahami masalah-masalah jiwa mereka dan memberi nasihat serta tunjuk ajar dan simpati yang berpatutan. Kanak-kanak itu perlu didedahkan kepada nilai-nilai hidup yang baik samada didalam atau diluar rumah, di sekolah atau diluar sekolah. Tidak ada kesan yang baik kepada anak-anak itu daripada nasihat-nasihat yang diberi jikalau mereka sentiasa terdedah kepada pengaruh-pengaruh yang liar dan tidak diingini. Oleh yang demikian anggota masyarakat seluruhnya mestilah menentukan apakah nilai-nilai hidup yang baik yang menjadi ikutannya, dan nilai-nilai ini jugalah dihidangkan kepada anak-anak itu.

Dalam melaksanakan tujuan ini persefahaman dan kerjasama dikalangan anggota masyarakat mesti ujud terlebih dahulu. Disekolah-sekolah Kementerian Pelajaran telah mewajibkan penubuhan Persatuan Ibubapa Guru-guru (PIBG). PIBG ini boleh digunakan untuk mengadakan segala kerjasama yang diperlukan untuk membantu sekolah membentuk budi pekerti yang mulia, berakhlak tinggi dan berdisiplin di kalangan murid-murid. Melalui kerjasama ini juga lain-lain kemajuan akan dapat dicapai. Saya merasa sukacita PIBG sekolah ini adalah bergerak dengan cergas untuk memajukan sekolah ini. Persatuan Peladang dan Persatuan Belia di daerah ini, saya difahamkan, telah juga memberi kerjasama kepada sekolah ini. Semua ini merupakan tanda-tanda yang sihat dan baik untuk sekolah ini meningkat lebih maju pada masa-masa hadapan.

Sesungguhnya saya tidak nampak banyak masalah untuk mengadakan sebarang kerjasama diantara sekolah dan ibubapa. Jika sekolah ini saya dapat jadikan contoh, kita telah melihat bagaimana anggota-anggota masyarakat disini telah banyak memberi kerjasama semenjak sekolah ini mula ditubuhkan oleh pengasasnya iaitu Allahyarham Penggawa Encik Othman bin Talib dalam tahun 1921. Beliau bukan sahaja telah menghadiah-

tanah untuk tapak sekolah ini tetapi telah memimpin anak buahnya dengan penuh semangat bekerjasama mendirikan bangunan sekolah daripada kayu hutan dengan secara bergotong royong. Kita pohon Allah yang maha kuasa curahkan rahmat keatas rohnya. Jadikanlah jasa dan pengorbanannya itu salah satu asas untuk tuan-tuan dan puan-puan dari kawasan ini khasnya terus bekerjasama untuk memajukan pelajaran anak-anak yang amat dahagakan ilmu pengetahuan itu. Dan atas jasa dan pengorbanan Allahyarham itu Kementerian Pelajaran telah bersetuju menggunakan namanya untuk sekolah ini.

Akhirnya saya dan isteri saya lagi sekali mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi tahniah kepada ahli-ahli Jawatankuasa Majlis yang permai pada hari ini. Saya berharap Majlis kita pada hari ini diberkati Allah dan memberi kita sekalian banyak manfaat. Dengan itu dengan nama Allah yang maha pemurah dan mengasihani saya membuka dengan rasminya bangunan tambahan sekolah ini dan seterusnya menamakan sekolah ini Sekolah Kebangsaan Othman Talib, Tendong.

Terima kasih.

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

18hb. Februari, 1977.